

21/02/2003

Enjin DOHC baru mampu tingkat jualan Kancil

Abdul Halim Yusoff

PERUSAHAAN Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua), menjangka mampu menjual 4,640 unit model terbaru keluarannya, Kancil 850 EZi automatik versi DOHC sepanjang tahun ini, sekali gus memperkukuhkan penguasaannya dalam segmen itu.

Pengarah Urusan Perodua, Tan Sri Ab Rahman Omar, berkata pengenalan enjin automatik dengan teknologi aci sesondol berkembar (DOHC) itu adalah susulan perubahan kosmetik ketiga model Kancil yang dilancarkan September lalu.

Beliau berkata demikian sebelum majlis melepaskan sesi uji pandu untuk media bagi Kancil 850 EZi DOHC di Rawang, semalam. Hadir sama Pengarah Urusan Perodua Auto Corporation Sdn Bhd (PAC), Yoshihiro Uehara.

Kancil 850 EZi DOHC itu menampilkan perubahan menyeluruh terhadap rekaan luaran dan dalaman model Kancil yang diperkenalkan pada 1994 berbanding hanya perubahan reka bentuk yang dibuat pada September lalu.

Enjin baru Kancil 850 EZi DOHC menampilkan enjin tiga silinder dengan penyejukan air dan suntikan bahan api elektronik (Efi), yang membolehkannya menjimatkan 10 peratus petrol, meningkatkan 30 peratus kuasa dan menghasilkan 18 peratus lebih tork.

Versi terbaru itu dijual pada harga atas jalan RM34,950 bagi cat biasa dan RM35,450 bagi cat metalik, iaitu hanya RM400 lebih mahal berbanding Kancil 850 EZ sedia ada di pasaran.

Uji pandu mendapati enjin baru itu sesuai untuk kegunaan di bandaraya yang sibuk serta cukup berkuasa untuk mendaki bukit. Ia berupaya menjana kuasa 50 bhp pada 5,200 rpm dan tork maksimum 74.4 Nm pada 4,000 rpm.

Kancil transmisi automatik secara purata menguasai lebih 20 peratus jualan keseluruhan model Kancil dengan 9,761 unit dijual pada 2001 dan 3,894 unit sepanjang tahun lalu.

Ditanya mengenai pengeluaran model baru oleh Perodua, Ab Rahman berkata, syarikat dijangka mula menghasilkan model baru sepenuhnya pada pertengahan 2005 dengan kerjasama rakan teknologinya, Daihatsu.

"Rekaan model itu sudah ditunjukkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Isnin lalu dan kami kini dalam peringkat akhir memperkemaskannya sebelum memulakan proses kejuruteraan," katanya.

Model dengan enjin 1,000 cc dan boleh ditingkatkan kepada 1,300 cc itu akan dikeluarkan secara besar-besaran untuk pasaran tempatan dan eksport ke Asean, selaras program Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

"Dalam tempoh dua tahun akan datang, kami tidak akan mengeluarkan sebarang model baru sebaliknya akan hanya membuat beberapa perubahan kosmetik kepada model yang sudah sedia ada di pasaran," katanya.

Diminta mengulas kemungkinan harga kereta akan turun selepas pelaksanaan Afta untuk automotif mulai Januari 2005, Ab Rahman berkata, kerajaan sudah meminta pandangan pengeluar automotif tempatan termasuk Perodua berhubung perkara itu.

"Kami harap, penurunan besar duti import kenderaan asing tidak akan memberi kesan kepada jualan kenderaan kami," katanya sambil menegaskan Perodua mensasarkan menjual 138,000 unit kenderaan tahun ini berbanding 127,000 tahun lalu.